KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	UTUSAN			
TARIKH	:	20/1/2022 (KHAMIS)	MUKA SURAT	:	10
JABATAN	:	JPN PAHANG			

Jabatan hutan akui keluar notis lupus balak hanyut

Utusan 20.1.2022_10

KUANTAN: Jabatan Perhutanan Negeri Pahang (JPNP) mengesahkan pihaknya telah meletakkan notis 'kayu balak yang tidak dituntut' seperti tular dalam media sosial yang merupakan sebahagian daripada prosedur pembersihan selepas kejadian banjir hujung tahun lalu.

Pengarahnya, Datuk Dr. Mohd. Hizamri Mohd. Yasin berkata, notis berkenaan dikeluarkan Pejabat Hutan Daerah (PHD) Bentong mengikut prosedur pelupusan kayu-kayan yang dibenarkan berdasarkan peruntukan Akta Perhutanan Negara 1984.

Menurutnya, kayu balak tersebut merupakan kayu-kayu yang dihanyutkan banjir di Bentong pada 18 Disember tahun lalu.

"Arahan pembersihan dikeluarkan bagi tujuan mengumpulkan kayu-kayan yang hanyut itu bagi menentukan nilaiannya sebelum dilupuskan.

"Apa yang kita sedang lakukan ialah mengikut prosedur sebagaimana tatacara yang dibenarkan berdasarkan peruntukan undang-undang sedia ada.

"Jadi, pembersihan di kawasan terlibat adalah perlu bagi mengelakkan berlakunya kesan banjir kali kedua yang dijangka boleh menjejaskan lagi keadaan," katanya ketika dihubungi di sini semalam.



KAYU balak yang diletakkan tanda notis 'kayu balak tidak dituntut' antara prosedur pembersihan Jabatan Perhutanan Negeri Pahang.

Semalam, tular dua keping gambar notis tuntutan kayu balak tidak dituntut dengan satu status "Kalau takde sapa yang punya, Kenapa ada notis tuntutan? Siapa yang menuntut kayu-kayu balak ni? Siap label lagi jeng...jeng.... jengggggggg".

Status berkenaan tular di Facebook milik Napsiah Khamis Marahan, merupakan Ketua Wanita Parti Keadilan Rakyat (PKR) Johor.

Mengulas lanjut, Mohd. Hizamri berkata, notis awam yang dikeluarkan PHD Bentong itu adalah mengikut peruntukan undang-undang yang membenarkan pelupusan untuk kayu-kayan hanyut.

Katanya, ia terkandung di bawah Seksyen 76 Akta Perhutanan Negara 1984 yang berkaitan kayu tidak dituntut dan boleh diguna pakai dalam situasi yang berlaku di Bentong walaupun tiada pembalakan di kawasan terbabit.